

Pollution

PENUTUP

A. PENGENALAN

Bab ini merupakan bab terakhir dan penutup bagi kajian penulis. Sehubungan dengan itu, dalam bab ini penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan atas semua pemerhatian dan pembacaan penulis yang berkaitan dengan kajian di samping kesimpulan dan rumusan tentang kajian-kajian dan analisa yang telah dilakukan. Tidak ketinggalan juga dalam bab ini penulis mengemukakan beberapa saranan yang perlu diambil perhatian dan pertimbangan oleh pihak-pihak tertentu. Mudah-mudahan saranan tersebut dapat memberi sedikit pembaharuan dalam perkembangan dalam pengajian ilmu al-Quran khususnya dan dapat membantu mengangkat martabat Islam sebagai agama yang syumul amnya.

B. KESIMPULAN

Hasil daripada analisa dan perbincangan keseluruhan bab, penulis telah membuat beberapa kesimpulan dan rumusan. Berikut adalah beberapa kesimpulan yang dapat dirumuskan terhadap persoalan yang dikaji.

Kesimpulan Umum

1. *Munāsabah / munāsabat* merupakan satu disiplin ilmu yang membincangkan tentang pertautan antara satu ayat dengan ayat yang lain atau

antara satu surah dengan surah yang lain, berdasarkan kepada susun atur ayat-ayat dan surah-surah dalam al-Quran. Ia merupakan satu ilmu yang boleh membantu para mufasir mentafsirkan ayat-ayat al-Quran disamping ilmu-ilmu lain. Ilmu ini sebenarnya telah membuka ruang kepada mereka untuk lebih memahami maksud yang terkandung dalam al-Quran di samping melihat *i'jaz* yang tersembunyi di sebalik susunan huruf, kalimah, ayat dan surah.

2. Pertautan yang wujud antara ayat atau surah boleh dilihat secara jelas ataupun sebaliknya. Bagi yang sudah jelas, ia tidak memerlukan pengkajian dan pemerhatian yang teliti. Ini termasuklah ayat-ayat bersifat *al-ta'kîd*, *al-tafsîr*, *al-i'tirâd* dan *al-badal*. Manakala pertautan yang tidak jelas pula memerlukan pemerhatian yang lebih teliti kerana ia agak sukar untuk ditemui. Ini termasuklah ayat-ayat yang dihubungkan dengan huruf *'âyâf* dan tidak. Adapun ayat-ayat yang tidak dihubungkan dengan huruf *'âyâf* pula perlu diberi pemerhatian yang lebih teliti berbanding ayat-ayat yang dihubungkan dengan huruf *'âyâf*. Pertautan dalam ayat tersebut dilihat dari aspek *al-tanzîr*, *al-muqâddah*, *al-isti'râd*, *husn al-takhallûs* dan *husn al-mâtlab*.

3. *Munâsabah* boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *munâsabah* antara ayat, *munâsabah* antara surah dan *munâsabah* antara nama surah dan isi kandungannya. Setiap daripadanya pula dibahagikan kepada pembahagian yang lebih kecil dan lebih khusus.

4. Ilmu *munâsabah al-Qur'ân* perlu diberi perhatian sebagaimana ilmu-ilmu '*Ulûm al-Qur'ân* yang lain. Ia tidak harus terus dipinggirkan semata-mata

kerana beberapa alasan remeh. Alasan-alasan seperti ia satu ilmu yang susah untuk di dalami, para ulamak terdahulu kurang memberi perhatian terhadapnya dan ia kurang memberi kepentingan berbanding ilmu-ilmu '*Ulūm al-Qu'rān*' yang lain bukanlah alasan yang kukuh untuk ia terus diabaikan. Alasan-alasan ini sebenarnya hanya akan terus meminggirkan ilmu ini daripada terus dikaji. Sedangkan pelbagai manfaat dan kelebihan boleh diperolehi daripada pembelajaran ilmu tersebut.

5. Mencari *munāsabah* dalam al-Quran menjadikan *kalām* Allah lebih mudah difahami dan dihayati lantaran pertemuan titik persamaan antara satu topik dengan topik yang lain atau antara surah dengan surah yang lain. Ini dapat menyanggah pendapat musuh-musuh Islam yang mengatakan kononnya al-Quran terpotong-potong, berpindah satu topik kepada topik yang lain sehingga ia sukar difahami.

6. Penghujung ayat atau dalam istilah '*Ulūm al-Qu'rān*' lebih dikenali sebagai *fāsilah* merupakan ilmu yang membicarakan tentang pengakhiran ayat al-Quran. Peranan yang dimainkan olehnya menambahkan lagi ruang untuk melihat kemukjizatan al-Quran dari sudut pemilihan kata, susunan lafaz dan penyampaian maknanya. Pengakhiran ayat yang tersusun rapi yang mengambil kira skop yang diperbincangkan bukan sahaja dapat menghasilkan satu alunan bacaan yang indah bahkan turut berjaya mengungkap isi kandungan sebenar sesuatu ayat.

7. Para ulamak berselisih pendapat tentang kedudukan *fāsilah* sama ada ia mempunyai persamaan dengan *saja'* dan syair Arab ataupun tidak. Pertelingkahan

tersebut terjadi lantaran pembinaan huruf akhir dalam *fāsilah* sama seperti kaedah pembinaan huruf akhir dalam *saja'* dan syair Arab. Walau bagaimanapun, pertelingkahan tersebut hanyalah melibatkan persoalan takrifan atau definisi yang perlu diberikan kepada *fāsilah* dan ia tidak menjelaskan kesucian al-Quran sebagai kitab yang syumul. Walau apa pun persamaan yang wujud antara ketiganya, hakikatnya al-Quran tetap *kalām* Allah yang suci dari sebarang keburukan dan kekurangan. Sedangkan *saja'* dan syair hanyalah ciptaan manusia yang sememangnya tidak dapat lari dari kelemahan dan kekurangan.

8. Akal merupakan anugerah paling agung kepada manusia. Kewujudannya tidak diragui walaupun tidak dapat dilihat dan dirasai dengan pancaindera. Anugerah tersebut telah mengangkat manusia menjadi semulia-mulia makhluk di sisi Allah s.w.t. Lantaran itu, mereka telah diangkat menjadi khalifah pentadbir bumi. Akal juga turut membezakannya daripada makhluk ciptaan Allah yang lain. Namun demikian, sekiranya ia disalahgunakan, martabatnya jatuh menjadi lebih rendah dari seekor haiwan. Oleh sebab itu, nilai seseorang manusia dilihat bagaimana dia mengemudikan akalnya.

9. Akal dicipta oleh Allah s.w.t bersifat bebas. Ia bebas memikirkan apa sahaja yang ingin dirancang dan dilakukan. Sebagai makhluk yang diberi keistimewaan paling tinggi, ia bebas melakukan apa sahaja yang dikehendaki sama ada ke arah keburukan atau kebaikan. Oleh sebab itu al-Quran dijadikan oleh Allah sebagai pembimbingnya dalam mengatur kehidupan di dunia agar tidak tergelincir dari landasan sebenar. Ia juga menjadi pemimpin dalam perkara di luar menjangkau fikirannya seperti pengetahuan tentang alam ghaib, sifat-sifat Allah

dan seumpamanya. Hakikatnya akal tidak berupaya menggapai perkara yang tidak tercapai oleh pancaindera.

Kesimpulan Khusus.

1. Lafaz *al-'aql* dalam al-Quran diulang sebut sebanyak 49 kali, tetapi 43 daripadanya sahaja terletak di penghujung ayat. Ia diakhiri dengan beberapa bentuk ayat iaitu *al-istighām*, *al-tarajjū*, *al-taqarrīr*, *al-nafī* dan *jumlah syar'iyah*. Kesemua lafaz tersebut diakhiri dengan huruf yang sama iaitu waw (و) dan ya' (ي) yang mana ia telah membawa keseragaman dalam bacaan al-Quran.
2. Penggunaan lafaz *al-'aql* dalam bentuk kata kerja (اعل) merupakan wasilah untuk membuka rahsia alam ini iaitu melalui cara merenung, melihat, memerhati dan sebagainya. Adapun yang melaksanakan tugas-tugas tersebut ialah akal. Bentuk kata kerja tersebut juga menunjukkan akal tidak hanya terbatas pada makna zahirnya sahaja, tetapi ia memperlihatkan perbahasan dari aspek yang lebih luas. Ini bermakna akal dalam al-Quran bukan hanya membawa maksud zat akal itu sendiri, tetapi mempunyai pelbagai pengertian lain
3. Lafaz *al-'aql* dalam al-Quran mempunyai makna yang fleksibel. Ia bergantung kepada intipati sesuatu ayat. Lafaz tersebut sebenarnya digunakan sebagai asas bagi menggambarkan aktiviti-aktiviti akal yang lain. Ini amat bersesuaian dengan fungsi dan peranan akal dalam kehidupan manusia sepetimana yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.

4. Al-Quran menggunakan pendekatan semulajadi – menggunakan akal – dalam mengajar manusia. Pendekatan secara fitrah ini tidak memerlukan sebarang alat bantuan dan bahan kajian untuk menghasilkan didikan yang sempurna, tetapi ia hanya memerlukan penghayatan sepenuhnya terhadap perkara yang dilakukan dan yang dikhabarkan. Dalam merealisasikan pendekatan tersebut, al-Quran menggunakan beberapa usul penyuruan – menggunakan akal – iaitu *al-istighāh* (إِنَّكُمْ تَعْمَلُونَ - التَّفْرِيْجُ), *al-nafī'* (النَّفِيُّ), *al-tarajjū'* (الرَّاجِيُّ) dan *jumlah syartīyyah* (الْمُتَعَلِّمُونَ - الْمُتَسَبِّبُ).

5. Berdasarkan *munāsabah* ayat, terdapat beberapa makna lain yang tersembunyi di sebalik penggunaan lafadz *al-'aql* dalam al-Quran. Umumnya ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu *al-'aql* mempunyai satu makna dan *al-'aql* mempunyai beberapa makna. Ayat yang termasuk dalam kategori pertama merupakan ayat yang membincangkan sesuatu perkara secara lebih jelas dan khusus. Maka ia memberi satu makna sahaja daripada makna-makna tersebut – *tafakkara*, *tadabbara*, *fahima*, *lāhaẓa*, *faqiha*, *adraka*, *'alima* atau *i'tabara*. Adapun ayat dalam kategori kedua pula lebih bersifat umum dan meluas. Maka makna *al-'aql* dalam ayat tersebut merupakan gabungan daripada beberapa makna dari kategori pertama iaitu *fahima*, *tadabbara*, *'alima* dan *faqiha*. Dengan kata lain makna *al-'aql* dalam kategori ini tidak dikhususkan kepada satu makna sahaja.

6. Terdapat dua belas ayat *al-'aql* yang membawa maksud *tafakkara*. Secara ringkasnya ayat *al-'aql* dalam istilah ini membincangkan empat skop utama iaitu berfikir tentang ciptaan Allah, berfikir tentang kejahilan, berfikir

tentang kebaikan dan berfikir dalam membuat perbandingan antara dunia dan akhirat.

7. Manakala *al-'aql* yang membawa erti *tadabbara* pula dibincangkan dalam empat ayat iaitu ayat-ayat berhubung dengan isi kandungan al-Quran dan perumpamaan-perumpamaanNya yang perlu *ditadabburi* atau diteliti.

8. Adapun *al-'aql* dalam istilah *i'tabara* pula, terdapat lima ayat yang mana ia lebih tertumpu kepada ayat-ayat yang menceritakan tentang kebinasaan golongan dan umat terdahulu akibat daripada keingkaran mereka. Selainnya, ia juga berhubung dengan ayat-ayat menyebut tentang hukum alam yang ditetapkan oleh Allah s.w.t dan ciptaan-ciptaanNya.

9. Manakala *al-'aql* dalam maksud *adraka* pula hanya tertumpu kepada ayat yang menyentuh persoalan akal dan pancaindera. Ia terdapat dalam dua ayat sahaja.

10. *Al-'aql* dalam istilah *fahima* pula tertumpu kepada dua skop utama yang mana ia dibincangkan dalam empat ayat. Pertama, ayat-ayat yang berkenaan dengan hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah s.w.t dan kedua, ayat yang berhubung dengan kefahaman terhadap al-Quran.

11. Adapun ayat-ayat *al-'aql* yang membawa maksud *lāhazā* pula tertumpu kepada ayat yang mengandungi kisah di sebalik intipati ayat tersebut. Terdapat hanya dua ayat yang membawa maksud ini.

12. *Al-'aql* dalam maksud *tafaqqaha* pula, secara ringkasnya, dibincangkan dalam dua ayat yang mana ia berhubung dengan ayat yang menceritakan tentang golongan tertentu yang mempunyai pengetahuan yang mandalam tetapi tetap enggan mengakui kebenaran.

13. Manakala *al-'aql* dalam maksud *'alima* pula secara keseluruhannya dibincangkan dalam sembilan ayat. Sebahagian besar daripadanya datang dalam bentuk penafian dan ini bermakna ayat-ayat dalam istilah ini lebih tertumpu kepada konsep kejihilan. Selain itu, ia juga ditemui dalam beberapa perbincangan lain seperti pengetahuan dalam persoalan mengenai akhirat dan pengetahuan mengenai ajaran dan nasihat Allah s.w.t.

14. Adapun *al-'aql* yang membawa maksud *tadabbara*, *fahima*, *tafaqqaha* dan *'alima* pula tertumpu kepada ayat-ayat yang membicarakan tentang isi kandungan al-Quran secara umum. *Al-'aql* dalam gabungan makna ini terdapat dua ayat sahaja.

C. SARANAN

Setelah membuat kesimpulan terhadap kajian keseluruhannya, penulis mengemukakan beberapa saranan kepada beberapa golongan tertentu dengan harapan ia mampu meningkatkan martabat ilmu al-Quran sebaris dengan ilmu-ilmu sosial lain.

1. Umat Islam perlu mempunyai kesedaran tentang peri pentingnya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan berusaha untuk mendalaminya kerana ia merupakan rujukan utama umat Islam.
2. Ulamak tafsir semasa perlu menyambung ijтиhad ulamak terdahulu dalam mencari dan mengkaji *munāsabah* al-Quran. Hasil penemuan tersebut akan memperlihatkan lagi kehebatan dan kemukjizatan al-Quran sebagai kitab pegangan umat Islam. Ia sekaligus memperlihatkan al-Quran bukan sahaja kitab yang mementingkan ilmu, malah turut mementingkan penyusunan lafaz dan maknanya.
3. Para sarjana dan cendikiawan Islam perlu berganding bahu mengengahkan ilmu *munāsabah* sebagai satu ilmu yang penting setanding ilmu-ilmu '*Ulum al-Qur'an*' yang lain khususnya dalam proses mentafsir ayat-ayat al-Quran. Usaha seperti menambahkan koleksi penulisan *munāsabah* merupakan langkah yang paling baik di samping menambahkan lagi koleksi kajian yang sedia ada.
4. Fakulti Pengajian Islam di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) perlu memberi penekanan kepada para pelajarnya mengenai ilmu ini melalui kursus yang ditawarkan pada setiap semester. Umpamanya menjadikan *munāsabah* *al-Qur'an* sebagai subjek elektif bagi pelajar-pelajar di bawah pengkhususan pengajian al-Quran. Usaha ini bukan sekadar dapat melahirkan generasi celik al-Quran, malah dapat mewujudkan kelompok yang benar-benar ahli dalam memahami al-Quran.

5. Jabatan Perdana Menteri bahagian agama dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu menganjurkan simposium atau persidangan mengenai Pengajian Ilmu-ilmu al-Quran dengan menjemput ulamak-ulamak Islam dunia semasa. Usaha ini dapat meningkatkan kesedaran di kalangan pengkaji-pengkaji al-Quran bahawa *munāsabah* merupakan salah satu kaedah daripada kaedah-kaedah penafsiran al-Quran yang perlu diberi perhatian.

6. Memandangkan kekurangan karya ilmiah ini yang ditulis dalam Bahasa Melayu, golongan yang mahir ataupun orang-orang yang ahli mengenainya perlu berusaha menghasilkan karya-karya baru di samping berganding bahu menterjemahkan karya-karya Bahasa Arab yang sedia ada. Usaha ini secara tidak langsung akan menarik minat umat Islam untuk mendalami ilmu ini khususnya di kalangan penduduk Melayu Islam.

D. PENUTUP

Al-Quran merupakan kitab yang paling agung di atas muka bumi ini bersesuaian dengan tujuan kedatangannya sebagai petunjuk dan panduan manusia. Ilmu-ilmunya meliputi segenap aspek kehidupan. Ia bukan sekadar mementingkan ilmu yang ingin disampaikan, malah setiap yang tertulis di dalamnya mempunyai rahsia dan hikmahnya yang tersendiri. Sehingga pemilihan satu huruf pun dalam satu perkataan mempunyai rahsia di sebaliknya. Apatah lagi dari segi penyusunan ayat dan surah-surahnya. Begitulah besar dan agungnya al-Quran *kalām* ciptaan Allah s.w.t yang tidak mampu ditiru oleh manusia walaupun hanya satu ayat.

Kajian kecil yang penulis lakukan ini hanya mampu menyingkap sedikit sahaja keindahan dan kemukjizatan penyusunan al-Quran berbanding dengan ilmu yang terkandung di dalamnya. Pengkajian terhadapnya seharusnya diteruskan memandangkan masih banyak lagi ilmu-ilmunya yang masih belum diterokai. Penemuan-penemuan para ulamak terdahulu dalam pengkajian mereka telah banyak membuka minda kita akan keagungan dan kebesaran al-Quran. Usaha ini wajar diteruskan oleh generasi hari ini agar dapat menghasilkan generasi al-Quran yang lebih gemilang pada masa akan datang.